

LYCORT N SKIN CREAM

Fluocinolone Acetonide / Neomycin (0.25% w/w / 0.5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Lycort N Skin Cream
2. Bagaimana Lycort N Skin Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Lycort N Skin Cream
4. Cara menggunakan Lycort N Skin Cream
5. Semasa menggunakan Lycort N Skin Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Lycort N Skin Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Lycort N Skin Cream

Lycort N Skin Cream digunakan untuk merawat penyakit kulit yang menunjukkan ciri radang/inflamasi. Seperti ekzema, dermatitis, *seborrhea* (kulit berminyak) dan *intertrigo* (Keradangan lipatan kulit) apabila terdapat jangkitan bakteria.

Bagaimana Lycort N Skin Cream berfungsi

Lycort N Skin Cream mengandungi ubat yang dipanggil *Fluocinolone Acetonide*. *Fluocinolone Acetonide* ialah kortikosteroid yang mempunyai tindakan anti-inflamatori, anti kegatalan dan pengecutan salur darah. *Neomycin sulphate* merupakan antibiotik yang aktif terhadap bakteria.

Sebelum menggunakan Lycort N Skin Cream

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan mengambil Lycort N Skin Cream jika:

- Anda alergi (hipersensitif) terhadap *Neomycin sulphate*.
- Anda mempunyai sejarah hipersensitif kepada kortikosteroid topikal atau apa-apa bahan dalam ubat ini.
- Anda mempunyai jangkitan kulit yang disebabkan oleh bakteria atau kulat atau virus dan juga rosacea, *acne perioral dermatitis* (jerawat di

sekitar mulut), *anogenital pruritus* (kegatalan pada bahagian sulit) dan ruam napkin.

- *Sebelum menggunakan Lycort N Skin Cream*

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda jika anda menggunakan mana mana produk kulit.

Kehamilan dan Penyusuan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba)

Cara menggunakan Lycort N Skin Cream

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dewasa:

Sapukan kuantiti kecil Lycort N Skin Cream pada bahagian kulit yang terjejas danurut perlahan-lahan dan teliti 2 atau 3 kali sehari seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda memerlukan *occlusive dressing*, bahagian yang terjejas harus dibersihkan terlebih dahulu sebelum menggunakan Lycort N Skin Cream.

- *Bila perlu digunakan*

Sentiasa gunakan Lycort N Skin Cream seperti yang disarankan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti

- *Berapa lama perlu digunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi mengenai tempoh rawatan.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya dan seterusnya gunakan seperti biasa. Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Kesan toksik tidak mungkin berlaku selepas pengambilan kandungan tiub secara tidak sengaja. Sekiranya anda menelan kuantiti yang banyak dan berlaku ketoksikan, sila berjumpa dengan doktor anda dengan serta-merta

Semasa menggunakan Lycort N Skin Cream

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan Lycort N Skin Cream.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Tidak boleh digunakan di dalam mata

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau sensitiviti.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Lycort N Skin Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini kerana simptom ini boleh memudaratkan.

- Gatal pada bahagian aplikasi.
- Tindak balas hipersensitiviti
- Tanda regangan
- Kulit menipis

- Pelebaran saluran darah
- Kehilangan otot secara beransur ansur
- Jangkitan lain selepas atau semasa rawatan untuk jangkitan sedia ada.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Penyimpanan dan pelupusan Lycort N Skin Cream

penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C di tempat yang sejuk dan kering. Lindungi dari kelembapan dan haba yang berlebihan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Cream putih, homogen, tidak berwarna, tidak berbau.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Fluocinolone Acetonide 0.025% w/w

Neomycin 0.5% w/w

- Bahan tidak aktif

Cetomacrogol 1000, Cetostearyl Alcohol, White Soft Paraffin, Light Liquid Paraffin, Propylene Glycol, Propyl Paraben, Methyl Paraben, Sodium Phosphate Monobasic and Purified water.

Nombor MAL:

MAL19871197AZ

Pengilang

Lyka Labs Limited
Plot no 4801/B, GIDC
Ankleshwar- 393002 (India).

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn Bhd
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

30/05/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)130318/00066